

## UniKL robek rekod tanpa kalah juara bertahan

Oleh Azizan Hashim  
2011/01/09

JARINGAN pemain import, Philipp Stahr empat minit sebelum tamat perlawanan membantu Universiti Kuala Lumpur (UniKL) merobek rekod tanpa kalah juara bertahan Tenaga Nasional Berhad (TNB) dalam saingan Liga Perdana Liga Hoki Malaysia (MHL) 2-1 di Stadium Azlan Shah, Ipoh, semalam.

Pemain Jerman itu menghukum kealpaan benteng pertahanan anak buah Nor Saiful Zaini untuk mudah menguis bola melepasi penjaga gol TNB, S Kumar, sekali gus memberikan skuadnya tiga mata penuh menerusi kekalahan sulung lawannya.

Dalam perlawanan yang berlangsung seimbang itu, UniKL membuka jaringan menerusi Amir Fairid Ahmad Fuzi pada minit ke-14 sebelum Muhamad Amin Rahim memadam kelebihan pendahulu yang bertahan hanya tiga minit, hasil pukulan sudut penalti pertama perlawanan.

Skrip seterusnya menyaksikan kedua-dua pasukan berbalas serangan dalam usaha mencari gol tambahan tetapi gagal melakukan sentuhan pemusnah sebelum Stahr menghukum lawan pada lewat permainan.

Keputusan itu menolak TNB yang menerajui liga sembilan pasukan itu ke kedudukan ketiga di belakang pendahulu baru, Kelab Hoki Kuala Lumpur (KLHC) yang berkelebihan jaringan selepas berkongsi 12 mata dengan UniKL yang mendaki ke tangga kedua.

KLHC meraih tiga mata penuh selepas membelasah Nur Insafi 7-2 pada saingan berasingan petang semalam, di sebalik aksi bersemangat anak buah Dr Thaitchana Muruthi Subramaniam.

Rekod kemenangan ketiga berturut-turut selepas menundukkan Maybank 2-0, kelmarin bagaimanapun gagal dilebarkan Nur Insafi yang tunduk kepada gandingan Chua Boon Huat, Ismail Abu dan Azlan Misron yang menjadi duri dalam daging kepada benteng lawan.

Sementara itu, dalam dua perlawanan lain menyaksikan Yayasan Negeri Sembilan (YNS) memadam sebarang impian UiTM untuk mengutip mata apabila menang 7-2 selepas mendahului 4-1 pada babak pertama manakala Sapura menundukkan Maybank 2-0.

---